

U.M. 11 AUG 1973

KUALA TRENGGANU 10 Ogos
— Rakyat diingot tentang adanya golongan yang berusaha memecah-belahkan perpaduan kaum Melayu semata-mata untuk tujuan politik mereka.

Golongan itu mengambil kesempatan dari pergolakan politik yang sedang bergelombang sekarang untuk menaikkan kemarahan rakyat terhadap kerajaan.

Senator Dr. Mahathir Mohammad mendedahkan ini ketika berucap di satu rapat umum UMNO di Padang Istana Marziah, malam tadi. Lebih 3,000 orang hadir di rapat itu.

Di permulaan rapat, Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Wan Abdul Kadir Ismail telah mengesuai orangramai membaca Fatihah bagi dihadiahkan kepada Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Dr. Mahathir mengesuai Parti Rakyat kerana cuba membangkitkan kemarahan orangramai dengan menggunakan soal harga barang-barang dalam negeri.

"Mereka tidak pula membandingkan harga barang-barang dalam negeri ini dengan negara-negara asing yang jauh lebih tinggi dari kita," tegasnya.

Bellau kemudian berkata: "Parti Rakyat tidak pernah berusaha untuk melakukan sesuatu kemajuan atau sesuatu yang baik untuk rakyat.

Apa yang mereka buat semata-mata menonjolkan kelemahan kerajaan."

Bellau mengingatkan perbuatan menonjol-nonjolkan kelemahan kerajaan dengan tujuan membangkitkan huru-hara dan perasaan marah orangramai hanya akan merugikan rakyat sendiri.

Turut berucap ialah Tan Sri Syed Nassir Ismail yang memberi sebab mengapa beberapa buah negara dunia yang selama ini banyak mengeluarkan beras tetapi tidak berbuat demikian sekarang.

Bellau yang juga Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara memberi soal keadaan alam sebagai salah satu dari faktor-faktor itu.

Rapat umum malam tadi dipengerusikan oleh Datuk Haji Wan Kadir dan merupakan kemuncak rapat-rapat umum selama sebulan yang dianjurkan oleh UMNO Perhubungan Negeri Trengganu.